

MASALAH DISIPLIN MURID ISLAM: STRATEGI DAN PENYELESAIAN TERHADAP KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

(Discipline Problem of the Muslim Student: Strategies and Solution to the
Islamic Education Curriculum)

¹ MUHAMMAD FAIZAL A. GHANI
¹ NORFARIZA MOHD RADZI
¹ HUSAINA BANU KHANAYATULLAH
¹ SAEDAH SIRAJ
¹ ZURAIDAH ABDULLAH
¹ NORFARIZA MOHD RADZI
² FAISOL ELHAM
³ MASZURIA A. GHANI
³ AMALINA AYUB

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

² Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

³ Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah,
80350 Johor Bahru, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti jangkaan masa depan mengenai masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dan strategi penyelesaian dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam. Untuk menjawab objektif tersebut, data dikutip menggunakan kajian Delphi sebanyak tiga sesi pusingan. Peserta kajian adalah dalam kalangan sepuluh orang pakar dalam bidang kepimpinan sekolah. Pada sesi pusingan pertama, data dikutip menggunakan kaedah temu bual. Dapatan temu bual tersebut telah membentuk item soal selidik bagi kegunaan Delphi sesi pusingan kedua dan ketiga. Data temu bual dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Manakala, data soal selidik menggunakan

kaedah statistik deskriptif iaitu median dan Julat Antara Kuartil (JAK). Kajian ini memperoleh tahap kesepakatan pakar yang tinggi untuk menyetujui setiap item apabila skor median melebihi 4 dan JAK kurang daripada 1. Dapatan kajian menemui jangkaan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dengan bilangan tema dan subtema seperti berikut iaitu akhlak sebanyak 3 item, amalan membaca al-Quran (3 item), amalan solat (3 item), kesedaran terhadap hukum hakam (5 item), aktiviti bersosial (3 item) dan penggunaan bahan tegahan (3 item). Manakala, jangkaan strategi penyelesaian kepada masalah disiplin murid Islam dalam aspek pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam dengan bilangan tema dan subtema seperti berikut iaitu akhlak sebanyak 7 item, amalan membaca al-Quran (6 item), amalan solat (5 item), kefahaman terhadap hukum hakam (5 item), aktiviti bersosial (3 item) dan penggunaan bahan tegahan (4 item). Implikasi kajian ini adalah perlunya mengambil kira pandangan individu bergelar pakar dalam bidang tertentu dalam proses pembuatan keputusan.

Kata Kunci: Jangkaan masa depan; disiplin murid; strategi penyelesaian; perspektif pakar

ABSTRACT

This study was undertaken to identify future expectations regarding student discipline problems in terms of religious practices and strategic solutions concerning and learning the Islamic Education curriculum. To achieve these objectives, data were collected using a Delphi study of a three-round session among ten experts in the field of School Leadership. In the first round, the data were collected using a structured interview. The findings of these interviews formed the questionnaire items to be used in the second and third rounds of the Delphi study. The interview data were analyzed using thematic analysis. However, the questionnaire data were analyzed using descriptive statistics that involved median and Inter Quartile Range (IQR). The study found a high level of expert consensus approving each item when the median score was above 4 and JAK less than 1. The findings on future expectations regarding discipline problems among Muslim students in terms of their religious practices that categorized by theme and sub-themes are as follows: morality 3 items, the practice of reading the Quran (3 items), the practice of prayer (3 items), awareness of the tenets (5 items), social activities (3 items) and the use of exclusion (3 items). However, future expectations for problem solving strategies in terms of teaching and learning the Islamic Education curriculum are as follows: morality 7 items, the practice of reading the Quran (6 items), the practice of prayer (5 items), the understanding of tenets (5 items), social activities (3 items) and the use of

exclusion (4 items). The implication of this study is a need to take into account the views of the individual considered to be an expert in the decision-making process.

Keywords: *Future expectations; student discipline; solution strategies; experts' perspectives*

PENGENALAN

Kualiti tingkah laku murid kurang diberikan perhatian oleh sesetengah institusi pendidikan. Bennett (2012) dan Muhammad Faizal A. Ghani (2012) menggambarkan kenyataan tersebut bahawa masalah disiplin murid menjadi perdebatan hangat dalam kalangan warga sekolah tetapi kurang diberikan perhatian serius kerana beberapa alasan. Antaranya, pengaruh ahli politik menyebabkan pandangan pakar dalam kalangan ahli akademik mengenai disiplin murid telah dipinggirkan masyarakat.

Kajian Khaidzir Ismail (2007) bertajuk *Profil Remaja Perempuan Risiko Tinggi* telah menggambarkan kenyataan di atas. Kajian yang dilakukan terhadap 887 orang murid perempuan berisiko tinggi telah menemui hanya seorang daripada jumlah tersebut belum pernah melakukan hubungan seks. Namun, terdapat kritikan dalam kalangan ahli politik Malaysia seperti mana berikut: 'jangan hukum seluruh generasi muda hanya kerana perlakuan 887 orang murid tersebut', 'kajian tersebut adalah sampah! Tidak mewakili keseluruhan populasi' dan 'berat sebelah dan membimbangkan manakala fokus kajian tersebut terlalu sempit dan mendiskriminasi wanita' (Roslee Ahmad et al. 2010). Selanjutnya, pada 15 Mac 2007 laporan tersebut ditarik balik dengan dakwaan berlakunya kesilapan dalam merekodkan data. Jumlah sebenar murid yang pernah melakukan hubungan seks adalah antara 26 hingga 27 orang atau 3 peratus daripada keseluruhan jumlah peserta kajian.

Situasi di atas menggambarkan pandangan membina daripada individu yang berkelayakan dalam sesuatu bidang telah terpinggir. Anderson et al. (2013) serta Kennedy (2014) menyokong kenyataan tersebut dan menyatakan sekiranya persekitaran tidak menyokong kepada hak bersuara individu khususnya yang berkepakaran tinggi dalam sesuatu bidang maka keadilan kurang dapat ditegakkan dalam sesebuah masyarakat. Implikasinya, pihak berkepentingan dalam pendidikan khususnya ibu bapa dan masyarakat kurang mengetahui situasi sebenar mengenai masalah disiplin murid. Kenyataan tersebut dinyatakan oleh Sheldon dan Epstein (2013) bahawa masyarakat sering didedahkan dengan peratus salah laku dalam kalangan murid yang rendah dan sekolah berada dalam keadaan selamat. Namun, hakikatnya keadaan adalah sebaliknya. Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Dato' Seri Dr. Abdul Shukor Abdullah, melalui surat pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2000 menyatakan seperti berikut:

Kementerian Pendidikan Malaysia memandang berat tentang adanya segelintir sekolah yang cuba memaparkan imej bersih, walaupun pada realitinya tidak sedemikian. Sehubungan dengan itu, adalah diingatkan supaya semua kes salah laku murid tidak dirahsiakan atas apa jua alasan sekalipun, termasuk untuk menjaga kredibiliti pengetua, guru besar atau imej dan reputasi sekolah.

Kenyataan di atas secara jelas menekankan mengenai kepentingan untuk mendedahkan maklumat mengenai masalah disiplin dalam kalangan murid kepada ibu bapa dan masyarakat. Justeru, kajian ini yang menggunakan teknik Delphi bertujuan untuk mengetengahkan pandangan pakar mengenai ramalan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan agama mereka dan impak terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) kurikulum Pendidikan Islam. Kenyataan ini bertepatan dengan pandangan Basu dan Schroeder (2007) bahawa data yang dikutip menggunakan teknik Delphi terhindar daripada unsur emosi dan politik. Selanjutnya, dapatan kajian ini berupaya membantu pihak berkepentingan dalam pendidikan menangani masalah disiplin murid. Bagi penggubal dasar, mereka seharusnya menjadikan dapatan kajian ini sebagai garis panduan untuk mereka bentuk kurikulum Pendidikan Islam. Warga sekolah seperti pemimpin sekolah dan guru berupaya menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan untuk mengatasi masalah disiplin menerusi aktiviti PdP. Ibu bapa dan masyarakat berupaya berganding bahu dengan pihak sekolah menerusi kesedaran terhadap jangkaan masa depan pakar mengenai masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan agama mereka.

Isu disiplin murid menarik perhatian masyarakat secara berterusan. Kebimbangan dalam kalangan masyarakat disebabkan mereka berpendapat murid merupakan generasi pelapis masa hadapan. Cotton (2001) menyatakan masalah disiplin murid adalah isu global yang sedang dihadapi oleh sekolah di dunia. Misalnya, pada tahun 2012 di Amerika Syarikat, perbincangan mengenai masalah disiplin murid sekolah kerajaan menduduki tempat kedua dalam bancian yang dijalankan oleh *Phi Delta Kappa* mengenai perspektif masyarakat terhadap sekolah kerajaan (Lowell & Gallup 2012). Dalam bancian tersebut, 43 peratus peserta menyatakan salah laku murid merupakan masalah utama dan perlu perhatian serius. Implikasinya, sebahagian guru di Amerika Syarikat terdorong untuk bertukar kerjaya kerana murid serta ibu bapa telah mula berani untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak sekolah (Public Agenda with support from Common Good 2013). Selanjutnya, di Britain, kajian Department of Education England (2012) mengenai disiplin murid menemui setiap sebuah daripada lima buah sekolah menengah di Britain dikategorikan sebagai 'kurang baik'.

Begitu juga di Malaysia, masyarakat semakin bimbang dengan peningkatan kes jenayah yang melibatkan murid. Misalnya, kajian Marzita Abdullah (2003) mengenai

masalah disiplin murid di Malaysia. Kajian tinjauan sepanjang tahun 2002 sehingga 2004 menemui seramai 5,807 murid ditangkap di luar kawasan sekolah dalam operasi ponteng sekolah oleh anggota Polis Diraja Malaysia. Justeru, penyelesaian dilaksanakan dengan mengguna pakai pelbagai strategi, teori atau model. Misalnya, penubuhan Majlis Sosial Negara yang melibatkan beberapa kementerian untuk berkolaboratif bagi menyelesaikan masalah disiplin dalam kalangan murid. Begitu juga dengan aplikasi teori oleh pakar pendidikan bagi menyelesaikan masalah disiplin dalam kalangan murid. Misalnya, teori pembelajaran sosial oleh Bandura (1977) yang menegaskan tingkah laku individu dipengaruhi oleh persekitaran. Dengan kata lain, sekiranya murid melihat objek yang baik maka tingkah laku mereka dipengaruhi oleh objek tersebut. Suasana yang serupa bagi objek yang kurang baik diperlihatkan kepada mereka. Manakala, bagi individu yang pasif akan menerima apa sahaja yang diperlihatkan kepada mereka (Englander 2008).

Selanjutnya, masyarakat dunia diperkenalkan dengan Teori Peneguhan oleh Skinner (1979). Aplikasi teori tersebut menekankan tingkah laku seseorang individu dibentuk menerusi proses peneguhan atau hukuman. Kekurangan teori tersebut adalah andaian bahawa motivasi murid meningkat hanya sekiranya mereka diberikan peneguhan. Dengan kata lain, tingkah laku murid berubah hanya dalam jangka waktu sementara (Englander 2008). Dalam perspektif Islam pula, tingkah laku seseorang individu adalah signifikan dengan tahap ketaqwaan dan keimanan mereka terhadap Allah. Kenyataan tersebut dijelaskan oleh Yusuf al-Qaradawi (1985) bahawa tingkah laku yang buruk disebabkan mereka kurang memenuhi syarat menepati hak kepada Allah dan makhluk khususnya mereka kurang mendekati diri dengan Allah. Dalam konteks pendidikan pula, sekiranya murid Islam mengamalkan dan menghayati Islam secara berterusan maka tidak timbul masalah disiplin di sekolah. Hassan al-Banna (2003) menggambarkan suasana tersebut dengan menyatakan bahawa Islam telah memperkenalkan strategi tersendiri yang mewujudkan impak positif hasil daripada hubungan baik antara murid dengan murid dan murid dengan guru.

Berpandukan perbincangan di atas, dapat dirumuskan teori Barat didapati kurang berkesan untuk diaplikasi bagi menyelesaikan masalah disiplin murid. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pandangan pakar tempatan bagi menjangkakan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan agama mereka pada masa depan dan strategi penyelesaian masalah disiplin dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam. Selanjutnya, dapatan kajian ini berupaya membantu pihak berkepentingan dalam pendidikan menangani masalah disiplin murid khususnya pihak sekolah dan ibu bapa. Pemimpin sekolah dan guru berupaya menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan untuk menyelesaikan masalah disiplin murid Islam menerusi proses PdP. Manakala, ibu bapa dan masyarakat berupaya

berganding bahu dengan pihak sekolah dengan mewujudkan persekitaran rumah yang kondusif bagi meningkatkan pencapaian murid. Objektif kajian terdiri daripada dua iaitu menyenaraikan pandangan pakar mengenai jangkaan masa depan tentang masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dan menyenaraikan pandangan pakar mengenai strategi penyelesaian masalah disiplin di atas dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam.

KAJIAN LITERATUR

Disiplin merujuk kepada kesanggupan murid untuk mematuhi model tingkah laku pemimpin sekolah atau guru yang mengaplikasikan sistem nilai mereka dalam situasi yang berlainan khususnya dalam konteks sekolah (Walker 2014). Selanjutnya, berdasarkan perspektif penganut Kristian, disiplin merupakan tingkah laku positif yang menyamai tingkah laku guru. Tingkah laku tersebut diaplikasikan dalam sistem nilai dan norma yang diterima oleh masyarakat (Van der Walt 2007). Dalam perspektif Islam pula, disiplin dirangkum bersama-sama dengan konsep akhlak yang bererti *khulq* iaitu tingkah laku, perangai atau tabiat (Hasnan Kasan 2008). Justeru, disiplin adalah kepatuhan untuk menghormati dan melaksanakan suatu sistem yang membolehkan individu tunduk kepada keputusan, perintah dan peraturan yang berlaku. Dengan kata lain, disiplin dalam Islam adalah sikap untuk mentaati peraturan dan ketentuan yang telah ditetapkan tanpa bantahan (al-Ghazali 1998).

Manakala, masalah disiplin merujuk kepada tingkah laku yang melanggar peraturan piawai yang telah dipersetujui oleh sesebuah institusi pendidikan (Cloud & Townsend 2002). Justeru, pihak sekolah perlu kepada tiga tindakan berikut untuk penambahbaikan: pro aktif, pencegahan dan pengajaran. Sebaliknya, jika pihak sekolah gagal melaksanakan tindakan tersebut, kesan negatif akan berlaku: pembetulan, azab dan akibat (Van der Walt et al. 2010). Ringkasnya, disiplin merupakan tingkah laku yang menepati ketetapan peraturan yang piawai. Manakala, masalah disiplin merujuk kepada tingkah laku yang melangkaui peraturan yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan untuk menjangkakan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dan strategi penyelesaian menerusi proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian berbentuk pembangunan dan pembinaan yang melibatkan kajian Delphi sebanyak tiga sesi pusingan telah digunakan untuk kutipan data. Pada sesi pusingan pertama kajian Delphi, data dikutip menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan sesi temu bual antara

pengkaji dengan sepuluh orang pakar. Selanjutnya, dapatan data temu bual telah digunakan untuk membentuk item soal selidik yang digunakan untuk kajian Delphi sesi pusingan kedua dan ketiga. Dengan kata lain, sesi pusingan kedua dan ketiga kajian Delphi melibatkan kaedah kuantitatif. Pemilihan peserta kajian merupakan aspek penting yang menentukan kejayaan pelaksanaan kajian Delphi. Sekiranya berlaku kesilapan dalam memilih peserta kajian, dapatan kajian yang terhasil adalah sebaliknya (Loo 2001; Powell 2003; Turoff 2011). Justeru, pemilihan peserta kajian ini adalah dalam kalangan individu yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang kepimpinan sekolah. Untuk memilih pakar kajian, pengkaji dicadangkan untuk menyenaraikan beberapa kriteria bersesuaian dengan pakar yang dipilih dalam kajian Delphi (Hardy et al. 2004). Seramai 10 orang pakar yang dipilih sebagai peserta kajian ditetapkan agar memenuhi kriteria berikut:

1. Individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kepimpinan sekolah melebihi 5 tahun.
2. Individu yang mempunyai pengalaman bertugas sebagai pendidik di institusi pendidikan sekolah melebihi 5 tahun.
3. Individu yang bersedia berkesanggupan untuk menyertai semua sesi pusingan kajian Delphi.

Penganalisan data dalam peringkat ini melibatkan proses tinjauan ke atas bahan literatur seperti mana berikut. Bahan literatur yang digunakan seperti Said Hawwa (2009), Mohd Nasir Omar (1998) dan Ziauddin Sardar (2008). Ianya turut merumuskan dapatan kajian lalu yang berkaitan dengan objektif kajian ini menerusi pembinaan tema bagi protokol temu bual seperti i) Akhlak, ii) Amalan membaca al-Quran, iii) Amalan solat, iv) Kesedaran terhadap hukum hakam, v) Aktiviti bersosial, dan vi) Penyalahgunaan bahan tegahan. Peringkat kedua melibatkan proses menjangkakan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dan strategi penyelesaian menerusi proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam menerusi tiga sesi pusingan kajian Delphi seperti mana berikut.

Sesi pusingan pertama dalam kajian Delphi ini melibatkan aktiviti temu bual dan menganalisis data berpandukan saranan Miles dan Huberman (1994). Tiga kaedah menganalisis data temu bual yang dibuat iaitu:

1. Mereduksikan data. Pengkaji telah membaca berulang-ulang kali transkripsi temu bual yang telah disemak oleh setiap peserta kajian.
2. Pengesahan data. Pengkaji telah melaksanakan proses pengesahan data tersebut dengan mendapatkan *inter-rater reliability* ke atas kod dan unit menerusi penggunaan skala Cohen Kappa atau nilai Pekali Persetujuan Kappa bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan dapatan data temu bual.

3. Mempersembahkan data. Data temu bual yang melalui proses di atas dipamerkan dalam bentuk kekerapan. Tema dan subtemanya diatur berdasarkan keutamaan pandangan *ranking* dalam kalangan semua orang peserta kajian. Selanjutnya, tema dan subtema tersebut dijadikan asas untuk membina item-item soal selidik berskala Likert 5 poin. Tema dan subtema tersebut adalah seperti mana berikut.
 - (a) Jangkaan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama
 - Akhlak (3 item).
 - i. Amalan membaca al-Quran (3 item).
 - ii. Amalan solat (3 item).
 - iii. Kesedaran terhadap hukum-hakam (4 item).
 - iv. Aktiviti bersosial (3 item).
 - v. Penggunaan bahan tegahan (3 item).
 - (b) Strategi penyelesaian menerusi proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum pendidikan Islam
 - Akhlak (3 item).
 - i. Amalan membaca al-Quran (6 item).
 - ii. Amalan solat (3 item).
 - iii. Kesedaran terhadap hukum-hakam (3 item).
 - iv. Aktiviti bersosial (3 item).
 - v. Penggunaan bahan tegahan (4 item).

Dalam sesi pusingan kedua kajian Delphi, data soal selidik dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu median dan Julat Antara Kuartil (JAK). Pemilihan kaedah statistik tersebut disebabkan Sackman (1975) berpendapat bahawa kajian Delphi adalah kaedah kuantitatif yang mengukur kecenderungan memusat bagi setiap item. Skor median digunakan bagi mengenal pasti persetujuan peserta kajian mengenai item yang dikemukakan. Tahap persetujuan tersebut berasaskan skala Likert 5 poin seperti berikut: 5-Sangat Setuju (SS), 4-Setuju (S), 3-Agak Setuju (AS), 2- Tidak Setuju (TS) dan 1-Sangat Tidak Setuju (STS). Selanjutnya, skor JAK digunakan untuk mengukur tahap kesepakatan setiap peserta kajian terhadap item dalam instrumen soal selidik. Tahap kesepakatan tersebut telah ditentukan mengikut skor JAK yang digunakan oleh Steward, O'Halloran, Harrigan dan Spencer (2009) dalam bidang pendidikan dan diubah suai bagi keperluan dalam kajian ini: 0-1 (Kesepakatan Yang Tinggi, ST), 1.01-1.99 (Kesepakatan Yang Sederhana, SS) dan ≥ 2 (Tiada Kesepakatan, TS).

Instrumen soal selidik yang dibina dalam sesi pusingan kedua kajian Delphi telah diedarkan kepada peserta kajian yang sama bagi pusingan ketiga. Selanjutnya, maklum balas mereka dianalisis seperti mana proses penganalisan data dalam sesi pusingan kedua kajian Delphi. Dapatan sesi pusingan ketiga kajian Delphi

merupakan dapatan kajian ini bagi menjangkakan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dan strategi penyelesaian menerusi proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian diperolehi berdasarkan sesi pusingan kajian Delphi iaitu pusingan pertama, kedua dan ketiga seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

1. Jangkaan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama.
 - i. Pusingan pertama
Enam dimensi dan sembilan belas pecahan dimensi ditemui daripada temu bual yang dijalankan.
 - ii. Pusingan kedua
Sebanyak lapan belas item sedia ada telah diterima untuk kegunaan sesi pusingan ketiga. Penerimaan tersebut apabila skor median melebihi 2 dan Julat antara Kuartil kurang daripada 2. Di samping itu juga, satu item sedia ada telah digugurkan apabila skor median kurang daripada 2 dan JAK kurang daripada 2. Manakala, dua item tambahan ditemui. Justeru, dapatan sesi pusingan ini adalah sebanyak tujuh belas item.
 - iii. Pusingan ketiga
Sebanyak dua puluh satu item telah menerima tahap kesepakatan yang tinggi untuk dipersetujui apabila skor median melebihi 4 dan JAK tidak melebihi 2. Penerangan di atas ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1 Dapatan Jangkaan Masalah Disiplin Murid Islam

Tema	Pusingan Pertama	Pusingan Kedua	Pusingan Ketiga
Akhlak	<ul style="list-style-type: none"> ■ Akhlak murid dipengaruhi oleh persekitaran ■ Guru kurang menjadi <i>role model</i> ■ Akhlak murid semakin merosot 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Akhlak murid dipengaruhi oleh persekitaran ■ Guru kurang menjadi <i>role model</i> ■ Akhlak murid semakin merosot 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Akhlak murid dipengaruhi oleh persekitaran ■ Guru kurang menjadi <i>role model</i> ■ Akhlak murid semakin merosot

Amalan membaca al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> ■ Ibu bapa lebih mementingkan pencapaian mata pelajaran lain berbanding Pendidikan Islam ■ Kualiti membaca al-Quran murid merosot **Ibu bapa lebih mementingkan aktiviti kebudayaan seperti tarian 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Ibu bapa lebih mementingkan pencapaian mata pelajaran lain berbanding Pendidikan Islam ■ Kualiti membaca al-Quran murid merosot * Ibu bapa sukar mendapatkan guru tambahan mengajar murid al-Quran 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Ibu bapa lebih mementingkan pencapaian mata pelajaran lain berbanding Pendidikan Islam ■ Kualiti membaca al-Quran murid merosot * Ibu bapa sukar mendapatkan guru tambahan mengajar murid al-Quran
Amalan solat	<ul style="list-style-type: none"> ■ Ibu bapa kurang menjadi <i>role model</i> ■ Murid kurang timbul perasaan bersalah apabila tidak solat ■ Murid tidak tahu mengerjakan solat 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Ibu bapa kurang menjadi <i>role model</i> ■ Murid kurang timbul perasaan bersalah apabila tidak solat ■ Murid tidak tahu mengerjakan solat 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Ibu bapa kurang menjadi <i>role model</i> ■ Murid kurang timbul perasaan bersalah apabila tidak solat ■ Murid tidak tahu mengerjakan solat
Kefahaman hukum agama	<ul style="list-style-type: none"> ■ Murid kurang minat mendalami agama ■ Murid kurang pendedahan maklumat hukum ■ Waktu pembelajaran kurang mencukupi ■ Pembelajaran agama tambahan melibatkan kos 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Murid kurang minat mendalami agama ■ Murid kurang pendedahan maklumat hukum ■ Waktu pembelajaran kurang mencukupi ■ Pembelajaran agama tambahan melibatkan kos * Murid kurang berminat dengan kelas agama percuma 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Murid kurang minat mendalami agama ■ Murid kurang pendedahan maklumat hukum ■ Waktu pembelajaran kurang mencukupi ■ Pembelajaran agama tambahan melibatkan kos * Murid kurang berminat dengan kelas agama percuma
Aktiviti sosial	<ul style="list-style-type: none"> ■ Pergaulan murid dipengaruhi oleh media massa ■ Pergaulan murid kurang batasan ■ Murid mudah dipengaruhi oleh rakan 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Pergaulan murid dipengaruhi oleh media massa ■ Pergaulan murid kurang batasan ■ Murid mudah dipengaruhi oleh rakan 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Pergaulan murid dipengaruhi oleh media massa ■ Pergaulan murid kurang batasan ■ Murid mudah dipengaruhi oleh rakan

Penggunaan bahan tegahan	■ Kerajaan memperuntukkan kos yang tinggi ■ Bekalan dadah mudah didapati ■ Bilangan murid terlibat dengan dadah meningkat	■ Kerajaan memperuntukkan kos yang tinggi ■ Bekalan dadah mudah didapati ■ Bilangan murid terlibat dengan dadah meningkat	■ Kerajaan memperuntukkan kos yang tinggi ■ Bekalan dadah mudah didapati ■ Bilangan murid terlibat dengan dadah meningkat
--------------------------	---	---	---

Nota.

* Tambahan item

** Item digugurkan

Jadual 1 menunjukkan jangkakan masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama terbahagi kepada bilangan tema dan subtema berikut iaitu akhlak sebanyak 3 item, amalan membaca al-Quran (3 item), amalan solat (3 item), kesedaran terhadap hukum hakam (5 item), aktiviti bersosial (3 item) dan penggunaan bahan tegahan (3 item).

2. Strategi penyelesaian masalah disiplin murid Islam dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam.

i. Pusingan pertama

Enam dimensi dan dua puluh empat pecahan dimensi mengenai jangkakan strategi penyelesaian kepada masalah disiplin murid Islam dalam aspek pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam dikenal pasti daripada temu bual.

ii. Pusingan kedua

Sebanyak dua puluh empat item diterima untuk sesi pusingan ketiga apabila skor median melebihi 2 dan JAK kurang daripada 2. Jumlah item tersebut melibatkan enam item tambahan.

iii. Pusingan ketiga

Sebanyak tiga puluh item menerima tahap kesepakatan yang tinggi untuk dipersetujui apabila skor median melebihi 4 dan kurang daripada 2. Dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2 Dapatan Strategi Penyelesaian Masalah Disiplin Murid Islam

Tema	Pusingan Pertama	Pusingan Kedua	Pusingan Ketiga
Akhlak	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kurikulum pedagogi latihan keguruan perlu mengambil kira pembentukan akhlak ■ Penekanan kepada nilai merentas kurikulum ■ Penekanan akhlak berdasarkan sirah ■ Calon guru perlu menepati ciri pendidik 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kurikulum pedagogi latihan keguruan perlu mengambil kira pembentukan akhlak ■ Penekanan kepada nilai merentas kurikulum ■ Penekanan akhlak berdasarkan sirah ■ Calon guru perlu menepati ciri pendidik * Sekolah perlu ada instrumen untuk menilai akhlak murid * Program perkembangan keperibadian murid perlu dimasukkan dalam jadual PdP * Pemberat markah peperiksaan perlu seimbang antara praktikal akhlak dan kandungan 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kurikulum pedagogi latihan keguruan perlu mengambil kira pembentukan akhlak ■ Penekanan kepada nilai merentas kurikulum ■ Penekanan akhlak berdasarkan sirah ■ Calon guru perlu menepati ciri pendidik * Sekolah perlu ada instrumen untuk menilai akhlak murid * Program perkembangan keperibadian murid perlu dimasukkan dalam jadual PdP * Pemberat markah peperiksaan perlu seimbang antara praktikal akhlak dan kandungan
Amalan membaca al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> ■ Penekanan kepada pengajaran al-Quran ■ 4M perlu mengambil kira membaca tulisan Jawi ■ Hidupkan budaya tadarus al-Quran ■ Menganjurkan minggu tahfiz al-Quran ■ Kelas al-Quran diadakan secara percuma ■ Banyakkan pertandingan mengenai al-Quran 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Penekanan kepada pengajaran al-Quran ■ 4M perlu mengambil kira membaca tulisan Jawi ■ Hidupkan budaya tadarus al-Quran ■ Menganjurkan minggu tahfiz al-Quran ■ Kelas al-Quran diadakan secara percuma ■ Banyakkan pertandingan mengenai al-Quran 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Penekanan kepada pengajaran al-Quran ■ 4M perlu mengambil kira membaca tulisan Jawi ■ Hidupkan budaya tadarus al-Quran ■ Menganjurkan minggu tahfiz al-Quran ■ Kelas al-Quran diadakan secara percuma ■ Banyakkan pertandingan mengenai al-Quran

Amalan solat	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah perlu menggalakkan solat berjemaah ■ Sekolah perlu meningkatkan kursus solat ■ Sekolah perlu tingkatan kesedaran pentingnya solat ■ Sekolah perlu menggalakkan solat sunat ■ Sekolah perlu menyediakan borang muhasabah diri 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah perlu menggalakkan solat berjemaah ■ Sekolah perlu meningkatkan kursus solat ■ Sekolah perlu tingkatan kesedaran pentingnya solat ■ Sekolah perlu menggalakkan solat sunat ■ Sekolah perlu menyediakan borang muhasabah diri 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah perlu menggalakkan solat berjemaah ■ Sekolah perlu meningkatkan kursus solat ■ Sekolah perlu tingkatan kesedaran pentingnya solat ■ Sekolah perlu menggalakkan solat sunat ■ Sekolah perlu menyediakan borang muhasabah diri
Kefahaman hukum agama	<ul style="list-style-type: none"> ■ PdP lebih berbentuk penyelesaian masalah ■ Kepelbagaian dalam PdP ■ PdP berorientasikan murid 	<ul style="list-style-type: none"> ■ PdP lebih berbentuk penyelesaian masalah ■ Kepelbagaian dalam PdP ■ PdP berorientasikan murid * Menjadikan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran wajib lulus * Kerap mengadakan penilaian untuk menguji tahap penguasaan murid 	<ul style="list-style-type: none"> ■ PdP lebih berbentuk penyelesaian masalah ■ Kepelbagaian dalam PdP ■ PdP berorientasikan murid * Menjadikan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran wajib lulus * Kerap mengadakan penilaian untuk menguji tahap penguasaan murid
Aktiviti sosial	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menerapkan konsep pahala dan dosa dalam kehidupan ■ Menonton program berbentuk penerangan pendidikan bagi meningkatkan kesedaran ■ Penekanan PdP terhadap sirah nabi dan sahabat 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menerapkan konsep pahala dan dosa dalam kehidupan ■ Menonton program berbentuk penerangan pendidikan bagi meningkatkan kesedaran ■ Penekanan PdP terhadap sirah nabi dan sahabat 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menerapkan konsep pahala dan dosa dalam kehidupan ■ Menonton program berbentuk penerangan pendidikan bagi meningkatkan kesedaran ■ Penekanan PdP terhadap sirah nabi dan sahabat

Penggunaan bahan tegahan	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menekankan ciri individu diredhai Allah ■ Menekankan persoalan hukum agama ■ Kandungan Pendidikan Islam mengenai bahaya dadah 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menekankan ciri individu diredhai Allah ■ Menekankan persoalan hukum agama ■ Kandungan Pendidikan Islam mengenai bahaya dadah ■ Mengadakan lawatan ke tempat individu malang seperti penjara dan pusat pemulihan 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menekankan ciri individu diredhai Allah ■ Menekankan persoalan hukum agama ■ Kandungan Pendidikan Islam mengenai bahaya dadah ■ Mengadakan lawatan ke tempat individu malang seperti penjara dan pusat pemulihan
--------------------------	---	---	---

Nota.

* Tambahan item

Jadual 2 menunjukkan jangkaan strategi penyelesaian kepada masalah disiplin murid Islam dalam aspek pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam dengan bilangan tema dan subtema seperti berikut iaitu akhlak sebanyak 7 item, amalan membaca al-Quran (6 item), amalan solat (5 item), kefahaman terhadap hukum hakam (5 item), aktiviti bersosial (3 item) dan penggunaan bahan tegahan (4 item).

Walaupun sesebuah sekolah mengalami masalah seperti kekurangan kewangan, penurunan pendaftaran murid dan pencapaian merosot akademik murid, kebanyakan pemimpin sekolah menyatakan masalah disiplin murid merupakan masalah paling serius (Brodinsky 2013). Malah, kajian Feitler dan Tokar (2012) melaporkan 58 peratus guru telah memberikan pemberat pertama penyebab kepada tekanan kerja mereka iaitu masalah disiplin murid. Begitu juga dengan kajian berbentuk tahunan di Amerika Syarikat, *2012 Annual Poll of the Public's Attitudes Toward the Public School* yang mendapati bahawa masyarakat Amerika Syarikat menghendaki pihak sekolah memberikan tumpuan utama kepada penyalahgunaan dadah dan masalah disiplin dalam kalangan murid (National Institute of Education 2012).

Penemuan kajian di atas menggambarkan murid berdisiplin berupaya membentuk peribadi mereka untuk menjadi jujur, tekun, patuh kepada peraturan, norma dan nilai sesebuah masyarakat (Cloud & Townsend 2002). Dengan kata lain, disiplin menjadi perkara penting dalam kehidupan individu dan masyarakat bagi membina tamadun sesebuah bangsa. Malah, disiplin merupakan sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat tersebut. Masalah disiplin

dalam kalangan ahli masyarakat bukan saja menjadi ancaman kepada kesejahteraan individu dalam masyarakat, malah ia turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan masyarakat. Untuk mencapai hasrat yang dibincangkan di atas, masyarakat telah mengambil pendekatan untuk mengamalkan agama, peraturan dan budaya untuk mendisiplinkan seseorang individu. Hal tersebut dinyatakan oleh Kyriacou dan Martin (2010) bahawa masyarakat antarabangsa telah mula menyedari kelemahan sistem, peraturan dan dasar yang digubal oleh manusia bagi menyelesaikan masalah disiplin murid. Justeru, mereka membuat kesimpulan mengenai keperluan kepada pemantapan disiplin khususnya melalui agama (O'Neill & Stephenson 2012).

Dengan itu, terdapat pihak berwajib yang peka dengan masalah disiplin dalam kalangan murid Islam. Hal ini digambarkan menerusi dapatan kajian ini yang melaporkan kesepakatan pandangan kesemua pakar mengenai jangkaan masa depan masalah disiplin murid. Mereka menjangkakan murid Islam akan menghadapi permasalahan dalam aspek amalan solat, akhlak, bacaan al-Quran, pengetahuan mengenai hukum hakam, aktiviti bersosial dan penggunaan bahan tegahan. Dapatan kajian Wan Norasiah Wan Ismail (2003) mengenai gejala sosial dalam kalangan remaja FELDA menyamai dapatan kajian ini. Kajian beliau mendapati faktor penyumbang utama penglibatan mereka dalam gejala negatif seperti meminum arak, penyalahgunaan dadah dan menonton video lucah disebabkan berlatarbelakangkan didikan agama yang rendah. Kajian tersebut turut menjangkakan generasi akan datang masyarakat FELDA yang beragama Islam akan menghadapi kemerosotan akhlak sekiranya remaja masa kini tidak disediakan dengan pendidikan agama yang mencukupi khususnya dalam aspek tauhid dan ibadah.

Selanjutnya, persekitaran luaran dan dalaman murid akan menyokong pembentukan amalan secara konsisten. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku masa depan murid berupaya dibentuk melalui pembinaan kurikulum yang menjadi garis panduan guru untuk mendidik murid. Hasnan Kasan (2008) berpendapat selari dengan kenyataan di atas bahawa proses pendidikan berupaya membentuk masyarakat untuk berakhlak mulia. Selaras dengan komitmen tersebut, Kementerian Pendidikan telah menggubal konsep pendidikan bersepadu yang dilaksanakan melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Kamal Hassan 1986). Selanjutnya, kurikulum negara mengalami transformasi. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal hasilan semakan terhadap kurikulum terdahulu. Kedua-dua jenis kurikulum yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara menggunakan pendekatan bersepadu, perkembangan individu menyeluruh, peluang dan kualiti pendidikan yang sama bagi semua murid dan pendidikan sepanjang hayat. Penggubalan dasar tersebut bertujuan untuk

membentuk sebuah generasi yang seimbang dan harmoni dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan mereka kepada Tuhan (Abdul Hafiz Mat Tuah et al. 2013).

Pencapaian hasrat tersebut amat bergantung kepada keberkesanan pengajaran guru. Anderson et al. (2001) serta Aminuddin Ruskam al-Dawamy & Siti Nur Huda Sulaiman (2010) bersetuju dengan kenyataan tersebut bahawa pengajaran guru akan berkesan sekiranya kandungan penyampaian guru dalam bilik darjah yang dipanggil kurikulum dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Malah, penyampaian kandungan pengajaran guru yang berkesan berupaya mempengaruhi tingkah laku murid bagi membentuk generasi berakhlak mulia (Bowen & Bowen 2009). Hal tersebut selari dengan dapatan kajian ini mengenai strategi penyelesaian masalah disiplin murid Islam. Kesemua peserta kajian telah bersetuju untuk menyetujui pengajaran guru Pendidikan Islam berupaya menyelesaikan masalah disiplin murid Islam dalam aspek akhlak, amalan membaca al-Quran, amalan solat, pemahaman mengenai hukum agama, aktiviti bersosial dan penggunaan bahan tegahan.

Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam seharusnya merefleksi diri. Ibn Miskawayh dalam C. Zurayk (1966) & Ziauddin Sardar (2008) mencadangkan guru agar merefleksi diri mengenai peranan mereka sebagai pendidik yang berupaya membina sebuah generasi bertamadun tinggi. Jelas mereka lagi, guru perlu menjadi *role model* melalui penghayatan terlebih dahulu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diajar kepada murid. Guru juga seharusnya menguasai ilmu *naqliyyah* dan *aqliyyah* seperti pedagogi dan psikologi. Tuntutan tersebut dijelaskan oleh Kamal Hassan (1986) bahawa guru Pendidikan Islam perlu memahami, menghayati dan berusaha mencapai apa yang digariskan di dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam. Mereka seharusnya berperanan sebagai penyemai nilai murni, pembimbing, fasilitator, kaunselor, *role model* dan hakim yang menjatuhkan hukuman sewajarnya kepada murid.

Ringkasnya, bagi menyelesaikan masalah disiplin murid Islam seperti mana dapatan kajian ini, guru memainkan peranan penting. Guru seharusnya menjelaskan kepada murid mengenai objektif pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Objektif tersebut adalah untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan nilai mengenai agama Islam. Hal tersebut dinyatakan oleh Suzalie Mohamad (2003) bahawa guru seharusnya mendidik murid untuk belajar bagi tujuan penghayatan dan amalan berbanding gred terbaik dalam peperiksaan. Di samping itu juga, guru seharusnya menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan nilai mengenai Pendidikan Islam melangkaui sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh KPM. Usaha tersebut bagi menanam minat dan cinta terhadap agama yang menjadi pegangan kehidupan (Ziauddin Sardar 2008).

KESIMPULAN

Seseorang pakar bukan sahaja mempunyai perspektif positif untuk memajukan negara melalui pembangunan diri golongan remaja, tetapi mempunyai jangkaan jelas di minda mereka mengenai permasalahan yang akan dihadapi oleh golongan remaja pada masa depan. Hal tersebut berdasarkan kepakaran mereka dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam bidang berkaitan. Dalam konteks kajian ini, panel pakar berupaya mengenal pasti permasalahan murid Islam dalam aspek akhlak, amalan membaca al-Quran, amalan solat, kesedaran terhadap hukum hakam, aktiviti bersosial dan penggunaan bahan tegahan. Selanjutnya, permasalahan disiplin murid dicadangkan bagi penyelesaian melalui proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Objektif pengubalan mata pelajaran tersebut adalah untuk mengasuh, mendidik dan mengembangkan potensi murid dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan emosi bagi melahirkan insan seimbang yang mampu untuk membangunkan diri, keluarga dan masyarakat berdasarkan ajaran Islam.

Di samping itu juga, pembelajaran mata pelajaran tersebut berupaya untuk mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan hidup di akhirat. Justeru, kedua-dua pihak, guru dan murid, seharusnya menyedari mata pelajaran Pendidikan Islam bukan sahaja salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagai salah satu komponen teras peperiksaan, tetapi salah satu mekanisme untuk membangunkan diri manusia berdasarkan ajaran Islam. Selanjutnya, berperanan untuk membangunkan keluarga dan masyarakat menjadi negara yang diredhai Allah.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini adalah dibiayai oleh Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia (FP019-2104A)

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. 2013. Memperkasakan jati diri Melayu-Muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition 2012*: 23-35.
- Anderson, C., Avery, P. G., Pederson, P. V., Smith, E. S., & Sullivan, J. L. 2013. Divergent perspectives on citizenship education: A Q-method study and survey of social studies teachers. *American Educational Research Journal* 34(2): 333-364.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy & Siti Nur Huda Sulaiman. 2010. Persepsi pelajar tentang kejadian jenayah terhadap kanak-kanak. http://eprints.utm.my/11550/1/Persepsi_Pelajar_Tentang_Kejadian_Jenayah_Terhadap_Kanak.pdf [12 Mac 2015].

- Bennett, W. 2012. The place to harvest patriots. *School-Administrator* 55(5): 38-40.
- Bowen, N. K., & Bowen, G. L. 2009. Effects of crime and violence in neighborhoods and schools on the school behavior and performance of adolescents. *Journal of Adolescent Research* 14: 319-342.
- Brodinsky, B. 2013. *Student Discipline: Problems and Solutions*. Artington: American Association of School Administration.
- Cloud, H. & Townsend, J. 1992. *Boundaries*. Zondervan: Grand Rapids.
- Cotton, K. 2001. Schoolwide and Classroom Discipline, School Improvement Research Series. Northwest Regional Educational Laboratory: U.S.
- C. Zurayk. 1966. *The Refinement of Character*. Beirut: American University of Beirut Centennial Publications.
- Department of Education England (DfE). 2012. School exclusion statistics 2009/2010. <http://www.education.gov.uk> [21 Mac 2015].
- Ding, G. K. C. (2008). Sustainable construction: The role of environmental assessment tools. *Journal of Environment Management* 86: 451-464.
- Englander, M. E. 2008. *The Strategies for Classroom Discipline*. School Improvement Research Series: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Feitler, F., & Tokar, E. 2012. Getting a handle on teacher stress: how bad is the problem? *Educational Leadership* 96(4): 456-458.
- al-Ghazali. 1998. *Ihya 'Ulum al-Din*. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Hardy, D. J., O'Brien, A. P., Gaskin, C. J., O'Brien, A. J., Morrission-Ngatai, E., Skews, G., Ryan, T., & McNulty, N. 2004. Practical application of Delphi technique in bicultural mental health nursing study in New Zealand. *Journal of Advanced Nursing* 46(1): 95-109.
- Hasnan Kasan. 2008. *Ahlak Pelajar Cemerlang*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
- Hassan al-Banna. 2003. *Himpunan Risalah al-Banna*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Kamal Hassan. 1986. *Penyerapan Unsur-Unsur Islam Melalui Sistem Pendidikan Negara: Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kennedy, K. J. 2014. *New Challenges for Civics and Citizenship*. Australia: ACSA.

- Khaidzir Ismail. 2007. Profil remaja perempuan risiko tinggi. http://ms.wikipedia.org/wiki/Kajian_profil_remaja_perempuan_risiko_tinggi_-_UKM [12 Mac 2015].
- Kyriacou, C., & Martin, J. L. O. 2010. Beginning secondary school teachers' perceptions of pupil misbehaviour in Spain. *Teacher Development* 14: 415-426.
- Laporan Dewan Negara. 2013. http://www.kkmm.gov.my/pdf/Parlimen/2016/DewanNegara/KandunganKomunikasi/160519_Etika%20Wartawan.pdf [21 Mac 2015].
- Loo, R. 2002. The Delphi method: A powerful tool for strategic management. *Policing and International Journal of Police Strategies and Management* 25(4): 762-769.
- Lowell, C., & Gallup, A. M. 2012. Gallup poll of the public's attitude towards the public schools. *Phi Delta Kappan* 84(1): 41-56.
- Marzita Abdullah. 2003. Bebas samseng – kelulusan, pengalaman pengetua bukan penentu. Portal Pendidikan Utusan, 9 September. <http://www.tutor.com.my> [21 Mac 2015].
- Marzuki Yusoff. 2005. Disiplin pelajar: Kadangkala berpunca daripada guru. Portal Pendidikan Utusan, 30 September 2003. <http://www.tutor.com.my> [21 Mac 2015].
- Muhammad Faizal A. Ghani. 2012. The practices of effective schools in the selected excellent Asian schools: A comparative study. *Global Business and Economics Research Journal* 1(1): 32-44.
- Mohd Nasir Omar. 1998. Christian & Muslim Ethics: A study of how to attain happiness as reflected in the works on Tahdhib al-akhlaq. *Hamdard Islamicus* XXIII(3): 53-57.
- National Institute of Education. 2012. *The Safe School Study*. Washington, DC: US Department of Health, Education and Welfare.
- O'Neill, S., & Stephenson, J. 2012. Classroom behavior management content in Australian undergraduate primary teaching programmes. *Teaching Education* 23: 287-308.
- Powell, C. 2003. The Delphi technique: Myths and realities. *Journal of Advanced Nursing* 41(4): 376-382.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1985. *Iman dan Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Ahmad Jazimin Jusoh. 2010. Pendekatan kaunseling Islam untuk menangani masalah tingkah laku seksual pelajar. Suatu konsep pemikiran. <http://www.academia.edu/1842234/> [12 Mac 2015].

- Said Hawwa. 2009. *Jund Allah Thaqaafat Wa Akhlaqa. Edisi ke-9*. Beirut: Dar al-Kutub allmiyyat.
- Shen, J. 2009. Chinese elementary school teachers' perceptions of students' classroom behavioural problems'. *Educational Psychology* 29: 187-201.
- Shen, J., Xianchen, L. & Hiroshi, K. 2000. Behavioural and emotional problems in Chinese children: Teacher reports for ages 6 to 11. *Journal of Child Psychology & Psychiatry & Allied Disciplines* 41: 101-116.
- Sheldon, S. B., & Epstein, J. L. 2013. Improving student behavior and school discipline with family and community involvement. *Education and Urban Society* 35(4): 1-24. <http://eus.sagepub.com/content/35/1/4.full.pdf+html> [7 Februari 2015].
- Steward, J., O'Halloran, C., Harrigan, P., & Spencer, J. A. 2009. Identifying appropriate tasks for the preregistration year: Modified Delphi Technique. *British Medical Journal* 319(7204) 224-229. <http://bmj.bmjournals.com/cgi/content/abstract/319/7204/224> [23 Mac 2013].
- Suzalie Mohamad. 2003. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Syed Muhammad al Naquib Ali al-Attas. 2011. *Historical Fact and Fiction*. Kuala Lumpur, Malaysia: UTM Press.
- Teh, M. K., 2013. Best practices for student misconduct on six continents: Singapore. Dlm. C. J. Russo, I. J. Oosthuizen & C. C. Wolhuter (pnyt.). *Best Practices for Student Misconduct on Six Continents*. Littlefield and Roman: New York.
- Turoff, M. 2006. Personal communication. Dlm. Novakowski, N., & Wellar, B. *Using the Delphi Technique in Normative Planning Research: Methodological Design Considerations*. Environment Research Association. ERIC document ED104201[25 Mac 2013].
- Van der Walt, B. J. 2007. *Transforming Power: Challenging Contemporary Secular Society*. Institute for Contemporary Christianity in Africa: Potchefstroom.
- Walker, P. 2014. Student misconduct in the United Kingdom. Dlm. C. J. Russo, I. J. O. Oosthuizen & C. C. Wolhuter (pnyt.). *Best Practices for Student Misconduct on Six Continents*. New York: Littlefield and Rowman.
- Wan Norasiah Wan Ismail. 2003. *Akhlak Remaja di FELDA Ulu Belitong, Kluang Johor: Kajian Tentang Masalah*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ziauddin Sardar. 2008. *The Future of Muslim Civilization*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.